

Najib, Rosmah dibenar elak jadi saksi kes liwat Anwar
The Malaysian Insider
06 Oktober , 2011
Oleh Shazwan Mustafa Kamal

KUALA LUMPUR, 6 Okt — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isterinya tidak akan memberi keterangan dalam kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim, demikian diputuskan oleh Mahkamah Tinggi hari ini.

Hakim Datuk Mohd Zabidin Mohd Diah berkata peguam-peguam Anwar telah gagal membuktikan elemen "korelevanan" apabila mengeluarkan sepina kepada Najib dan Datuk Seri Rosmah Mansor agar muncul di mahkamah untuk memberi keterangan.

Peguam-peguam Najib dan Rosmah menekankan bahawa anak guaman mereka adalah saksi yang tiada sebarang hubung kaitan dengan kes liwat Anwar dan mereka tidak akan dapat memberi sebarang keterangan kukuh kepada Mahkamah.

Bagaimanapun peguam bela bagi pihak Anwar telah memberikan hujah sebaliknya.

Kata mereka, keterangan Najib akan memberi satu hala tuju berkaitan keterangan si pengadu berapa hari sebelum kejadian itu didakwa berlaku.

Karpal Singh menegaskan bahawa perdana menteri telah berjumpa dengan Mohd Saiful Bukhari Azlan pada malam 24 Julai — dua hari sebelum dia menuduh Anwar telah meliwatnya — penjelasan Najib terhadap pertemuan mereka akan "banyak membantu" prosiding mahkamah nanti.

Dalam permohonan mereka yang difailkan pada 21 September lalu, Najib dan Rosmah meminta mahkamah mengetepikan sepina itu dengan alasan mereka bukan saksi yang relevan dan penting untuk membantu Anwar dalam pembelaannya.

Anwar, 64, sedang dibicara berhubung tuduhan meliwat Saiful, 26, bekas pembantu peribadinya di Kondominium Desa Damansara di sini antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Pada 8 Ogos lalu, Zabidin membenarkan permohonan Anwar untuk menemu bual 71 saksi termasuk Najib dan Rosmah yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan, sebagai saksi pembelaan.

Bagaimanapun pasangan itu enggan ditemu bual sebaliknya bersedia untuk berada di mahkamah jika diberikan sepina.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-rosmah-dibenar-elak-jadi-saksi-kes-liwat-anwar/>